

PROGRAM BUBUR LAMBUK KOLEJ PENGAJIAN KEJURUTERAAN

6 APRIL 2023

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
PER. KEJURUTERAAN SHAH ALAM

Disediakan oleh: Rizana Mohd Radwan



Perpustakaan Tun Abdul Razak Kejuruteraan telah bersama-sama bergabung tenaga berkolaborasi bersama, Kolej Pengajian Kejuruteraan UiTM Shah Alam dan Sekretariat Mahasiswa Fakulti, Pengajian Kejuruteraan Elektrik, UiTM Shah Alam dalam menjayakan Program Bubur Lambuk Kolej Pengajian Kejuruteraan.

Program dimulakan seawal pagi dengan aktiviti rewang dan semua warga bergotong royong menyediakan kelengkapan. Dua menu hidangan telah disediakan iaitu Bubur Lambuk Ayam dan Bubur Lambuk Daging. Kelengkapan dan bahan memasak diperolehi melalui sumbangan dari warga Kolej Pengajian Kejuruteraan.

Staf Perpustakaan Kejuruteraan sendiri turut terlibat menggembungkan tenaga dengan menghantar semua staf bergotong royong dan peserta program diagihkan dalam beberapa tugas seperti merewang, mengacau bubur, membungkus dan mengagihkan bubur kepada warga Kolej Pengajian Kejuruteraan. Dianggarkan sebanyak 2000 (dua ribu) bekas bubur lambuk bersama paket kurma dan air mineral telah berjaya disediakan pada hari tersebut.

Kemuncak Program ini adalah perasmian program dan disusuli pengagihan bubur lambuk yang disempurnakan oleh PNC Kolej Pengajian Kejuruteraan iaitu Prof Dr. Hjh Hamidah Mohd Saman bersama barisan pengurusan di Foyer Kompleks Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah pada jam 3.00 petang. Program selesai pada jam 4.30 petang.

